

Ruj. MQA : MQAD.100-1/3/1 (31)

Tarikh : 13 Januari 2026

KEPADA SEMUA PUSAT PENILAIAN APEL APEL.Q

Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING MQA BIL. 3/2026

PROSES DAN FI BAGI PERMOHONAN MEMPERBAHARUI PERAKUAN AKREDITASI PUSAT PENILAIAN PENGAKREDITAN PEMBELAJARAN BERDASARKAN PENGALAMAN TERDAHULU BAGI TUJUAN PENGANUGERAHAN KELAYAKAN AKADEMIK (APEL.Q)

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan Surat Pekeliling MQA Bil. 2/2022 – Fi dan Caj Berhubung Permohonan Akreditasi Pusat Penilaian Pengakreditan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu bagi tujuan Penganugerahan Kelayakan Akademik (APEL.Q) bertarikh 22 Februari 2022.

2. Seperti mana tuan/puan sedia maklum, Perakuan Akreditasi Pusat Penilaian APEL.Q adalah sah bagi tempoh lima tahun manakala, tempoh sah laku Kelulusan Pelaksanaan APEL.Q untuk Program pula adalah bermula dari tarikh kelulusan tersebut diberikan dan berakhir pada tarikh yang sama dengan tarikh tamat Perakuan Akreditasi Pusat Penilaian APEL.Q.

3. Justeru itu, bagi memastikan pelaksanaan APEL.Q yang berterusan dan berkualiti, Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA) telah menetapkan proses dan fi permohonan bagi memperbaharui Perakuan Akreditasi Pusat Penilaian APEL.Q dan Kelulusan Pelaksanaan APEL.Q untuk Program seperti berikut:

- 3.1 Semua Pusat Penilaian APEL.Q perlu mengemukakan permohonan Pembaharuan Akreditasi Pusat Penilaian APEL.Q **tidak lewat daripada 12 bulan sebelum tamat tempoh Perakuan Akreditasi itu.**
- 3.2 Permohonan yang tidak mematuhi tempoh masa yang ditetapkan boleh memberikan kesan terhadap penilaian dan tempoh sah laku Perakuan Akreditasi dan Kelulusan Pelaksanaan APEL.Q untuk Program. Perincian lanjut berkaitan Ketetapan Operasi APEL.Q adalah seperti di **Lampiran A.**

- 3.3 Permohonan bagi memperbaharui Perakuan Akreditasi akan dinilai bersekali dengan pemantauan terhadap program. Dalam hal ini, dokumen berkaitan program yang diluluskan dengan **tempoh sah laku melebihi dua tahun sahaja** perlu dikemukakan kepada MQA bagi tujuan penilaian pemantauan.
- 3.4 Fi permohonan Pembaharuan Perakuan Akreditasi Pusat Penilaian APEL.Q adalah **sama seperti fi permohonan Akreditasi Pusat Penilaian APEL.Q.** Walau bagaimanapun, **fi tersebut tidak termasuk satu (1) program** seperti yang diperuntukkan dalam fi permohonan Akreditasi Pusat Penilaian APEL.Q.
- 3.5 Bagi tujuan penilaian pemantauan program seperti yang dinyatakan di perenggan 3.3 di atas, **caj pemantauan Program APEL.Q adalah sama seperti caj permohonan Program Tambahan APEL.Q.**

4. Maklumat fi, caj dan borang permohonan boleh dirujuk dan dimuat turun daripada portal APEL.Q. Pihak MQA berharap agar semua Pusat Penilaian APEL.Q dapat mengambil maklum serta mematuhi ketetapan proses permohonan pembaharuan akreditasi Pusat Penilaian APEL.Q termasuk kadar fi dan caj yang ditetapkan bagi memastikan proses penilaian dapat dilaksanakan lancar.

Sekian, terima kasih.

“PENDIDIKAN TINGGI BERKUALITI GLOBAL”

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



DATO' PROF. DR. MOHAMMAD SHATAR BIN SABRAN (DIMP, DPMP)

s.k.:

1. YBhg. Ketua Setiausaha
Pejabat Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 17, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
2. YBhg. Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 9, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
3. YBhg. Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 8, Blok E8, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
4. YBhg. Ketua Pengarah
Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 5, Galeria PjH, Jalan P4w
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
5. SUSK YB Menteri Pendidikan Tinggi
Pejabat Menteri Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 18, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
6. Ketua Eksekutif
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
Tingkat Bawah, Menara PTPTN
Blok D, Megan Avenue II
No.12, Jalan Yap Kwan Seng
50450 WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

7. Ketua Pegawai Eksekutif
Education Malaysia Global Services (EMGS)
Tingkat 20, Menara TA One
22 Jalan P Ramlee
50250 WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR
8. Sekretariat
Jawatankuasa Naib Canselor/Rektor Universiti Awam (JKNC/R UA)
Pejabat Naib Canselor
Aras 2, Bangunan Canseleri
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 TANJONG MALIM, PERAK
9. Sekretariat
Jawatankuasa Timbalan-Timbalan Naib Canselor/Rektor (Akademik & Antarabangsa) Universiti Awam (JKTNCRA-UA)
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Universiti Sains Malaysia
11800 USM, PULAU PINANG
10. Sekretariat
Majlis Dekan Pengajian Siswazah Universiti Awam
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
81310 Johor Bahru
JOHOR
11. Sekretariat
Majlis Naib Canselor IPTS (Vice Chancellors Council for Private University, VCCPU)
Pendaftar International Medical University (IMU)
No.126, Jalan Jalil Perkasa 19
Bukit Jalil
57000 WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR
12. Presiden
Persatuan Kebangsaan Institusi Pengajian Tinggi Swasta Bumiputera Malaysia (PKIBM)
c/o Pejabat Komunikasi Korporat, Kumpulan Pendidikan Uniti
Pt 7445 & Pt 7446, Jalan Bbn1/2h, Putra Point 1
Bandar Baru Nilai 1
71800 NILAI, NEGERI SEMBILAN

13. Presiden
Malaysian Association of Private Colleges and Universities (MAPCU)
c/o Asia Pacific Institute of Information Technology (APIIT)
Jalan Inovasi 1, Techonology Park Malaysia
Bukit Jalil
57000 WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR
14. Presiden
National Association of Private Educational Institutions (NAPEI)
A-1-3, Block A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1
46050 PETALING JAYA, SELANGOR
15. Presiden
Persatuan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta Sabah (PIPTSS)
1st-3rd Floor
85, Jalan Gaya
88000 KOTA KINABALU, SABAH
16. Presiden
Persatuan Institusi-Institusi Pendidikan Tinggi Sarawak (PERINTIS)
Pusat Pembangunan Kemahiran Sarawak/International College of
Advance Technology Sarawak
Jalan Canna, Off Jalan Wan Alwi, Tabuan Jaya
93350 KUCHING, SARAWAK
17. Presiden
Society For Malaysian Higher Education Institutions Quality Assurance
Network (MyQAN)
UCSI University
No. 1, UCSI Heights, Jalan Puncak Menara Gading
Taman Connaught, Cheras
56000 CHERAS, WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

LAMPIRAN A

KETETAPAN OPERASI APEL.Q

BIL.	PERKARA	PERINCIAN
1.	Pusat Penilaian APEL.Q lewat mengemukakan permohonan pembaharuan Perakuan Akreditasi Pusat Penilaian APEL.Q dan kelulusan melaksanakan APEL.Q untuk program (kurang 12 bulan dari tarikh tamat Perakuan Akreditasi).	i. Tempoh proses penilaian bagi memperbaharui Perakuan Akreditasi Pusat Penilaian APEL.Q dan Kelulusan Pelaksanaan APEL.Q untuk Program akan terkesan. ii. Tempoh sah laku Perakuan Akreditasi Pusat Penilaian APEL.Q dan Kelulusan Pelaksanaan APEL.Q untuk Program berakhir pada tarikh tamat yang dinyatakan dalam Perakuan Akreditasi Pusat Penilaian APEL.Q dan Kelulusan Pelaksanaan APEL.Q untuk Program itu.
2.	Perakuan Akreditasi Pusat Penilaian APEL.Q dan Kelulusan Pelaksanaan APEL.Q untuk Program telah tamat tempoh.	i. Pengambilan baharu calon APEL.Q adalah tidak dibenarkan. ii. Proses penilaian APEL.Q untuk pelajar aktif hendaklah ditangguhkan sehingga Perakuan Akreditasi Pusat Penilaian APEL.Q dan Kelulusan Pelaksanaan APEL.Q telah diperbaharui. iii. Semua aktiviti promosi berkaitan APEL.Q adalah tidak dibenarkan.
3.	Permohonan pembaharuan Perakuan Akreditasi Pusat Penilaian APEL.Q dan kelulusan melaksanakan APEL.Q untuk program dikemukakan kepada MQA selepas tarikh tamat tempoh Perakuan Akreditasi Pusat Penilaian APEL.Q.	i. Permohonan bagi memperbaharui Perakuan Akreditasi tidak akan diproses. Pusat Penilaian APEL.Q perlu mengemukakan semula permohonan Perakuan Akreditasi Pusat Penilaian APEL.Q kepada MQA dengan menggunakan Borang APEL.Q-01. ii. Permohonan akan dinilai dan dikenakan fi sepertimana permohonan baharu. iii. Tempoh sah laku Perakuan Akreditasi Pusat Penilaian APEL.Q dan Kelulusan Pelaksanaan APEL.Q untuk Program adalah sepertimana yang akan ditetapkan oleh MQA.

Nota:

Sebarang pemakluman kepada calon/pelajar mengenai perkara di atas dan kesannya terhadap penilaian calon/pelajar tersebut adalah di bawah tindakan dan tanggungjawab Pusat Penilaian APEL.Q.